



## PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

### PEKELILING PTPTN BILANGAN 1 TAHUN 2016

### PENGUATKUASAAN LARANGAN KELUAR NEGARA TERHADAP PEMINJAM INGKAR PTPTN

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penguatkuasaan larangan keluar negara terhadap peminjam ingkar PTPTN.

#### LATAR BELAKANG

2. PTPTN melalui kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 22A, Akta PTPTN 1997 (Akta 566) boleh menghantar nama peminjam ingkar ke Jabatan Imigresen untuk disenarai hitamkan bagi maksud menghalang peminjam daripada keluar negara.

#### PELAKSANAAN

3. Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016, semua peminjam PTPTN yang mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman akan disenarai hitamkan di Jabatan Imigresen Malaysia. Dengan penyenaian ini peminjam adalah dihalang daripada keluar negara atau memohon/memperbaharui passport.

#### PEMBATALAN PEKELILING

4. Pekeliling ini membatalkan Pekeliling PTPTN Bilangan 1 Tahun 2009.

#### TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016.

#### “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

**(WAN AHMAD BIN WAN YUSOFF)**  
Ketua Eksekutif  
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

28 Jun 2016